

Membesar dalam persekitaran bebas dadah

Bimbing anak anda untuk menjauhi bahaya



Keluarga yang bahagia ialah keluarga yang menghindari dadah

Adalah amat penting bagi ibu bapa untuk **MENGAMBIL TAHU** tentang dadah dan inhalan, bahayanya serta tanda-tanda penyalahgunaan dadah yang ketara. Pengetahuan ini dapat dikongsi bersama anak-anak anda sebagai satu usaha untuk **MEMBIMBING** mereka agar menjauhi dadah dan inhalan. **BERBINCANG** dengan mereka dan jangan sekali-kali mengandaikan bahawa anak anda sudah sepatutnya tahu akan perkara ini.

Mengapakah golongan belia menyalahgunakan dadah?


Para belia telah menamakan beberapa punca penyalahgunaan dadah dan/atau inhalan.



Tujuh tip berguna untuk ibupapa

- Perhatikan dan ambil berat terhadap mood anak anda dan pergaulannya
- Kekalkan komunikasi yang bersifat terbuka dan sentiasa mendengarkannya tanpa membuat sebarang kesimpulan yang melulu.
- Cungkil bakat anak anda dan galakkannya untuk mengembangkan bakat itu
- Cari sesuatu kegiatan yang dapat dikongsi dan luangkan masa bersama
- Bincang dan ingatkan anak anda supaya menjauhi dadah
- Didik anak anda dengan kemahiran menangani situasi dan cara-cara menolak pelawaan yang kurang elok
- Mulakan perbualan anda dengan menyebutkan peristiwa-peristiwa yang mudah difahami (contohnya, berita selebriti yang ditangkap kerana penyalahgunaan dadah)

Tanda-tanda penyalahgunaan dadah



Tanda-tanda penyalahgunaan 'Ice'

Perubahan persekitaran:

- kaca/tiub yang ada bekas kotoran
- kerajang aluminium terbakar atau dipotong kecil-kecil
- alat yang direka ganti (contohnya, campuran ubat batuk atau botol air)
- pek pil tidur yang berselerak

Perubahan tingkah laku:

- tidak tidur selama beberapa hari diikuti dengan tidur buat beberapa hari berturut-turut
- mata merah/cengkung
- terlampau murung atau agresif



Tanda-Tanda Penyalahgunaan Kanabis

Perubahan persekitaran:

- rokok yang digulung atau puntung dalam tong sampah
- tingkap yang sentiasa tertutup
- bau "lembap" dalam bilik
- alat yang direka ganti, bong (tiub dengan air)
- bilik yang amat berselerak

Perubahan tingkah laku/perwatakan:

- gigi kuning dan kotor
- mata berwarna kuning
- nafas "lembap", tangan berbau busuk
- malas
- kebersihan diri yang tidak terjaga

Dadah dan inhalan - ambil tahu tentangnya!



Methamphetamine

Juga dikenali sebagai 'Ice', 'Ya ba'



Kanabis

Juga dikenali sebagai Ganja, "Weed"



Bahan Psikoaktif Baharu (NPS)

Juga dikenali sebagai "Spice", "Bath Salts"



Heroin

Juga dikenali sebagai Putih, Ubat



'Ecstasy'

Juga dikenali sebagai E, XTC



Nimetazepam

Juga dikenali sebagai 'Erimin-5'



Inhalan

Juga dikenali sebagai Hidu Gam



Imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut tentang dadah dan inhalan di www.cnb.gov.sg.

Dadah menghancurkan keluarga

Ketahui kos ketagihan



Apabila seorang anak menyalahgunakan dadah, seluruh keluarga terjejas

Di Singapura, masalah dadah masih dalam keadaan yang terkawal. Sungguhpun begitu, Biro Narkotik Pusat (CNB) telah menangkap lebih ramai belia yang menyalahgunakan dadah. Kebanyakan belia ini menyalahgunakan kanabis dengan anggapan bahawa ianya kurang berbahaya dan kurang menyebabkan ketagihan daripada tembakau. Malah ada yang bertanggungjawab salah bahawa kanabis mempunyai nilai terapeutik. Profil penagih dadah belia juga telah berubah, yakni lebih ramai didapati datang daripada keluarga kelas pertengahan dan berprestasi baik di sekolah.

Beberapa trend membimbangkan yang sepatutnya diketahui ibu bapa tentang kanabis



Mengapa penyalahgunaan kanabis satu kebimbangan?

Profil penagih dadah berubah

Lebih ramai penagih kanabis datang daripada keluarga kelas pertengahan dan berprestasi baik di sekolah.

Pandangan liberal belia

Lebih ramai ingin mencuba kanabis kerana pengaruh media dan pembenaran dadah itu di luar negara.

Pandangan bahawa kanabis kurang berbahaya berbanding tembakau

Pandangan ini salah kerana kanabis lebih merosakkan kerana ia mengandungi lebih banyak tar dan agen yang menyebabkan barah.

Syarikat yang hanya ingin mencari keuntungan

Beberapa syarikat memasarkan kanabis untuk kegunaan rekreasi, memperdaya belia hanya untuk menjerat mereka.



Kesan buruk kanabis terhadap kesihatan

Kanabis menyebabkan ketagihan

Penagih yang cuba berhenti melaporkan keadaan cepat marah, kesukaran untuk tidur, kurang selera makan, kebimbangan dan ketagih dadah.

Memberi kesan pada kesihatan mental

Gangguan psikotik yang bermula lebih awal, peningkatan risiko bunuh diri dan memberi kesan pada perkembangan dan fungsi otak remaja.

Merendahkan IQ

Salah guna kanabis menyebabkan hilang tumpuan dan penurunan IQ.



Belia masa kini yang menyalahgunakan dadah

Tidak ada latar belakang dadah

Berasal daripada keluarga yang tidak mempunyai sejarah dadah malah mendapat bimbingan ibubapa yang wajar.

Pelajar yang patuh

Mencapai prestasi yang baik di sekolah dan tidak mempunyai masalah disiplin.

Tekanan rakan sebaya

Tekanan rakan sebaya dan maklumat salah dari rakan sebaya serta pengaruh negatif Internet dan media membentuk pandangan yang memesongkan mereka.

Anggapan salah

Belia semakin bersikap liberal dan berpendapat bahawa kanabis adalah kurang berbahaya.


Risiko yang meningkat

Belia semakin terbuka untuk mencuba kanabis dan berisiko terdedah kepada bahan dadah/inhalan berbahaya yang lain.

Kesan pencemaran adalah kuat dikalangan belia

CNB mendapati lebih banyak kes kelompok dadah dalam kalangan belia. Kelompok dibentuk apabila belia menyalahgunakan dadah dan memperkenalkan dadah kepada rakan sebaya. Hal ini meningkatkan kesan kontaminasi dengan lebih besar. Contohnya adalah seperti di bawah:

PENGESANAN KELOMPOK DADAH DIKALANGAN BELIA



Ambil tahu perkara yang dilakukan oleh anak anda dan kenali rakan-rakannya.

Jika anda mengesyaki bahawa anak anda telah menyalahgunakan dadah, hubungi talian "hotline" CNB untuk mendapatkan nasihat. CNB kemudiannya akan bekerjasama dengan anda dan anak anda untuk menentukan tindakan susulan yang sewajarnya.

Talian bantuan

| | |
|--|---|
| Biro Narkotik Pusat (CNB) | 24 1800-325-6666 (24 jam) CNBkNOwDrugs drugfreesg lifedoesnotrewind www.cnb.gov.sg |
| Perkhidmatan Pengurusan Ketagihan Kebangsaan (NAMS) | Tel: 6-RECOVER (6732 6837) (Isn-Kha: 8.30 pagi - 5.30 petang, Jum: 8.30 pagi - 5.00 petang) www.nams.sg |

TAHUKAH ANDA?



Penggunaan dadah di luar negara oleh warganegara dan Penduduk Tetap Singapura merupakan satu kesalahan undang-undang.

Rangka kerja rehabilitasi untuk belia (bawah 21 tahun)

Belia yang menyalahgunakan dadah dan positif dalam ujian air kencing boleh diletakkan di bawah Skim Pengawasan Lanjutan Belia (YES), Pusat Pemulihan Komuniti (CRC) atau Pusat Pemulihan Dadah (DRC). Belia yang pernah menyalahgunakan dadah tetapi keputusan ujian air kencing negatif boleh menyertai Program Penglibatan dan Kaunseling Antidadah (ACE). Seseorang yang dimasukkan ke dalam DRC tidak mempunyai rekod jenayah yang didaftarkan terhadapnya.

Undang-undang dadah

Penggunaan dadah terkawal (contohnya, 'Ice', heroin dan kanabis) adalah satu kesalahan dan seseorang boleh **DIPENJARAKAN** sehingga 10 tahun atau **DIDENDA** tidak melebihi S\$20,000 atau **KEDUA-DUANYA** sekali.